

# IPK Pahang menang

**Ungguli  
Kejohanan  
Badminton Piala  
Ketua Polis  
Pahang**

NIK AMIRULMU'MIN  
NIK MIN

KUANTAN

Pasukan Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Pahang muncul juara kategori beregu lelaki Kejohanan Badminton Piala Ketua Polis Pahang 2018.

Pasukan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan terpaksa akur di tempat kedua manakala tempat ketiga dimenangi (bersama) pasukan IPD Temerloh 1 dan IPD Temerloh 2.

Kejohanan yang berlangsung di SJK (C) Khai Mun, Bentong itu menyaksikan pasukan IPD Bera 1 juara bagi kategori beregu wanita diikuti IPD Temerloh 2 sebagai naib johan dan IPD Temerloh 1 di tempat ketiga.

Majlis penutup kejohanan itu disempurnakan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Zakaria Ahmad.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd Yusri Hassan Basri.



Mohd Zakaria bertemu pemain setiap pasukan.



Mohd Zakaria membuat pukulan sebagai simbol perasmian penutup Kejohanan Badminton Piala Ketua Polis Pahang 2018.

Pada kejohanan itu, 12 pasukan mengambil bahagian melibatkan pasukan dari

IPD setiap daerah.

Kali ini IPD Bentong dipilih selaku tuan rumah.



Pasukan yang menang bersama medal dan hadiah dimenangi.



Peserta tidak melepaskan peluang bergambar selepas larian.

## 600 meriahkan larian amal kanser

KEPONG - Kira 600 peserta memeriahkan Larian Amal Kesedaran Kanser Paru-paru sempena Bulan Kanser Paru-paru anjuran Empowered-Persatuan Kanser Advokasi (Empowered) di Taman Metropolitan dekat sini, Ahad lalu.

Peserta larian dibahagi kepada dua kategori bagi jarak 3.5km dan 7km.

Acara pelepasan disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Dr Feizul Idzwan Mustapha.

Peserta yang tamat larian akan 'mengembang' sambil belajar di setiap pokok yang diletakkan poster sambil mendengar penerangan kaedah perubatan dan rawatan.

Presiden Empowered, Dr Christina Ng Van

Tze berkata, program itu diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai kanser paru-paru, teknologi diagnosis dan rawatan terkini penyakit tersebut.

"Kanser paru-paru adalah kanser yang menyumbang kepada kematian paling tinggi di dunia.

"Kanser ini boleh menjasakan kesihatan rakyat Malaysia dari semua latar belakang, sama ada individu merokok dan tidak merokok," katanya.

Beliau turut berkongsi kemajuan rawatan penggunaan biomarker kanser yang memberi harapan kepada pesakit kanser paru-paru.

Program turut melibatkan senaman zumba, pertandingan melukis, cabutan bertuah dan pembukaan gerai.

## Utara FC juara Liga Amatur Kuantan



Rosidi dan pasukannya Utara FC bersama Mohd Tarmizi (tengah) menjadi juara dalam Liga Amatur Kuantan.

KUANTAN - Pasukan bola sepak Utara FC menjuarai Liga Amatur Kuantan di Stadium Darul Makmur baru-baru ini.

Pasukan itu berjaya menumpaskan pasukan GDM FC dengan jaringan 2-1 menerusi sepakan penyerang utama iaitu Najmi Amirul Nasir pada minit ke 15 manakala jaringan kemenangan oleh Shakir Shukor minit 67.

Ketua pasukan Utara FC, Rosidi Abdul Rashid berkata, dia tidak menyangka pasukannya dinobatkan juara dalam perlawanan itu.

Menurutnya, percubaan kedua ternyata membawa tuah kepada pasukannya

setelah mereka tewas di peringkat akhir pada tahun lalu.

"Tahun ini kami bangkit.. dan Alhamdulillah berjaya jadi juara.. Saya berterima kasih kepada semua pemain yang memberikan komitmen sejak mula liga lagi.

"Terima kasih juga kepada YB Ustaz Tarmizi (Adun Panching, Mohd Tarmizi Yahaya) yang memberi sumbangan dan menyokong pasukan ini," katanya ketika ditemui di Kedai Meja Petak Felda Sungai Panching Utara.

Majlis meraikan kemenangan itu dianjurkan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Sungai Panching Utara.

dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat Adun Panching.

Sementara itu, Mohd Tarmizi yang ditemui pada majlis tersebut turut berbangga kerana semua pemain dari pelbagai peringkat umur bersungguh-sungguh untuk menjuarai pertandingan itu.

"Saya mengharapkan pasukan ini akan terus maju jaya dan lebih banyak menjuarai pertandingan yang disertai selepas ini," katanya.

Beliau juga memberitahu hasratnya untuk menganjurkan kejohanan seumpamaanya yang patuh syariah dan akan melibatkan ramai anak muda di Dun Panching.